



## Info iPhone

**Panduan Pengguna iPhone** Semak panduan pengguna sebelum menggunakan iPhone. Pergi ke [help.apple.com/iphone](http://help.apple.com/iphone). Untuk melihat panduan pengguna pada iPhone, gunakan penanda buku Safari. Atau muat turun panduan pengguna dari iBooks Store (di mana tersedia). Simpan dokumentasi ini untuk rujukan masa depan.

**Keselamatan dan Pengendalian** Lihat "Keselamatan, Pengendalian, & Sokongan" dalam *Panduan Pengguna iPhone*.

**Pendedahan kepada Tenaga Frekuensi Radio** Pada iPhone, pergi ke *Seting* > *Umum* > *Perihal* > *Sah* > *Pendedahan RF*. Pergi ke [www.apple.com/legal/rfexposure](http://www.apple.com/legal/rfexposure).

**Bateri** Bateri litium-ion dalam iPhone boleh digantikan oleh Apple atau Pembekal Khidmat Sah Apple sahaja dan mesti dikitar semula atau dilupuskan secara berasingan daripada sisa buangan rumah. Untuk mendapatkan maklumat mengenai kitar semula dan penggantian bateri, pergi ke [www.apple.com/my/batteries](http://www.apple.com/my/batteries).

**Keserasian Alat Bantuan Pendengaran (HAC)** Pergi ke [www.apple.com/support/hac](http://www.apple.com/support/hac), atau lihat "Alat bantuan pendengaran" dalam *Panduan Pengguna iPhone*.

**Mengelakkan Kerosakan Pendengaran** Untuk mengelakkan kemungkinan kerosakan pendengaran, jangan dengar pada paras kelantangan yang tinggi untuk tempoh yang panjang. Maklumat lanjut mengenai bunyi dan pendengaran tersedia dalam talian di [www.apple.com/sound](http://www.apple.com/sound) dalam "Maklumat keselamatan penting" dalam *Panduan Pengguna iPhone*.

**Ringkasan Waranti Terhad Satu Tahun Apple** Apple menjamin produk dan aksesori perkakasan yang disertakan terhadap sebarang kerosakan bahan dan pertukangan selama satu tahun dari tarikh pembelian runcit asal. Apple tidak menjamin terhadap haus dan lusuh biasa serta kerosakan yang disebabkan oleh kemalangan atau penyalahgunaan. Untuk mendapatkan perkhidmatan, hubungi Apple, lawati kedai jualan milik Apple atau Pembekal Khidmat Sah Apple—pilihan perkhidmatan yang tersedia bergantung pada negara yang perkhidmatan tersebut diminta dan mungkin terhad kepada negara asal jualan. Caj panggilan dan penghantaran antarabangsa mungkin dikenakan bergantung pada lokasi. Tertakluk kepada terma penuh dan maklumat terperinci bagi mendapatkan perkhidmatan tersedia di [www.apple.com/legal/warranty](http://www.apple.com/legal/warranty) dan [www.apple.com/my/support](http://www.apple.com/my/support), jika anda menghantar tuntutan sah di bawah waranti ini, Apple sama ada akan memperbaiki, menggantikan atau membayar balik iPhone anda atas budi bicaranya. Faedah waranti adalah sebagai tambahan kepada hak yang disediakan di bawah undang-undang pengguna tempatan. Anda mungkin perlu memberikan butiran bukti pembelian semasa membuat tuntutan di bawah waranti ini.

*Untuk Pengguna Australia:* Barangan kami datang dengan jaminan yang tidak boleh dikecualikan di bawah Undang-Undang Pengguna Australia. Anda layak untuk mendapatkan gantian atau pembayaran balik untuk kegagalan besar dan mendapatkan pampasan bagi sebarang kehilangan atau kerosakan lain yang boleh diramalkan. Anda juga layak untuk mendapatkan pembaikan atau penggantian bagi barangan jika barangan gagal memenuhi kualiti yang boleh diterima dan kegagalan tidak berbentuk kegagalan besar. Apple Pty Ltd, PO Box A2629, Sydney South, NSW 1235. Tel: 133-622.

*Untuk Pengguna Brazil:* Faedah waranti adalah sebagai tambahan kepada hak yang ditetapkan di bawah undang-undang pengguna tempatan, kecuali waranti 1 tahun yang telah pun merangkumi terma penuh waranti undang-undang yang ditetapkan oleh kod pertahanan/peraturan pengguna Brazil.

**Regulatori** Maklumat regulatori, pensijilan dan tanda pematuhan yang khusus kepada iPhone tersedia pada iPhone. Pergi ke *Seting > Umum > Perihal > Sah > Regulatori*. Maklumat regulatori tambahan tersedia dalam "Keselamatan, Pengendalian, & Sokongan" dalam *Panduan Pengguna iPhone*.

**Penyataan Pematuhan IC dan FCC** Peranti ini mematuhi standard RSS dikecualikan lesen Industri Kanada. Peranti ini mematuhi bahagian 15 pada peraturan FCC. Operasi tertakluk pada dua syarat berikut: (1) peranti ini tidak boleh menyebabkan gangguan berbahaya dan (2) peranti ini mesti menerima sebarang gangguan yang diterima, termasuk gangguan yang mungkin menyebabkan operasi yang tidak diinginkan.

**Penting:** Produk ini telah menunjukkan pematuhan EMC di bawah keadaan yang termasuk penggunaan peranti persisian yang serasi dan kabel dengan pengadang antara komponen sistem. Adalah penting bahawa anda menggunakan peranti persisian serasi dan kabel dengan pengadang yang dalam pematuhan antara komponen sistem untuk mengurangkan kemungkinan menyebabkan gangguan terhadap radio, televisyen dan peranti elektronik yang lain.

**Pernyataan Pematuhan EU** Apple Inc. dengan ini mengisytiharkan bahawa peranti wayarles ini mematuhi keperluan penting dan peruntukkan berkaitan yang lain dalam Perintah R&TTE.

Salinan Perisytiharan Pematuhan EU tersedia dalam talian di [www.apple.com/euro/compliance](http://www.apple.com/euro/compliance).

Wakil EU Apple ialah Apple Distribution International, Hollyhill Industrial Estate, Cork, Ireland.



#### **Pernyataan Pematuhan Jepun—Pernyataan Kelas B VCCI**

この装置は、クラスB情報技術装置です。この装置は、家庭環境で使用することを目的としていますが、この装置がラジオやテレビジョン受信機に近接して使用されると、受信障害を引き起こすことがあります。取扱説明書に従って正しい取り扱いをして下さい。VCCI-B